

18 FEB 2003

NAM-Petronas (Bergambar)/I

PETRONAS SUMBANGKAN PETROL BERNILAI RM1 JUTA UNTUK SIDANG KEMUNCAK NAM

PUTRAJAYA, 18 Feb (Bernama) -- Petronas, penaja petrol rasmi bagi Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 hari ini menyerahkan sejumlah RM1 juta dalam bentuk petrol untuk kegunaan lebih 1,000 kenderaan rasmi sepanjang sidang kemuncak itu dari 20 hingga 25 Feb.

Presiden dan Ketua Eksekutif Petronas Tan Sri Mohd Hassan Marican menyerahkan sumbangan berkenaan kepada Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam satu majlis ringkas di Wisma Putra di sini.

"Sumbangan itu juga termasuk penajaan 41 papan iklan pengumuman sidang kemuncak itu yang diletakkan di lokasi-lokasi strategik sekitar Kuala Lumpur, Lapangan Terbang Antarabangsa KL dan Putrajaya," kata Petronas dalam satu kenyataan yang dikeluarkan pada majlis berkenaan.

Sementara itu, kira-kira 1,000 buah buku mengenai "Malaysia's New Economic Policy (NEP) -- An Overview" akan diedarkan kepada anggota-anggota delegasi dan media dari negara-negara yang menyertai sidang kemuncak berkenaan.

Buku itu, yang disunting oleh Mukhriz Mahathir dan Khairy Jamaluddin, memberikan para peserta satu persembahan padat mengenai Dasar Ekonomi Baru (DEB) termasuk latar belakang sejarahnya, ciri-ciri utama dan kesannya terhadap politik, ekonomi dan kehidupan sosial Malaysia sejak penubuhannya.

Mukhriz, anak lelaki Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan Khairy menyerahkan buku-buku berkenaan kepada Syed Hamid pada majlis yang sama di Wisma Putra.

Syed Hamid berkata diharapkan buku itu akan diterjemah ke semua bahasa NAM agar ia dapat memberikan manfaat kepada khalayak yang lebih banyak dan meluas pada masa akan datang.

"Ia merupakan satu pembacaan yang berguna untuk memberikan pembacanya imbasan segera mengenai apa sebenarnya DEB," kata beliau.

Beliau berkata Malaysia merasa amat gembira untuk berkongsi pengalaman pembangunannya yang unik dengan rakan-rakan dari negara-negara NAM sempena sidang kemuncak yang bersejarah itu dengan Malaysia diberikan penghormatan selaku tuan rumah.

Delegasi NAM juga akan dapat membaca puisi tentang Dr Mahathir menerusi himpunan 21 sajak indah yang ditujukan khas buat Perdana Menteri.

Kira-kira 200 buah buku "Potrait Of A Nation", yang diterbitkan dan dicetak pada 1999 oleh Saron Corporation Sdn Bhd, turut diserahkan oleh Pengerusi Eksekutifnya Datuk Sri Ram Sarma kepada Syed Hamid untuk diedarkan pada sidang kemuncak itu kelak.

"Tidak seperti beberapa buah buku dan biografi yang ditulis mengenai beliau, 'Potrait Of A Nation' mengumpul dan menonjolkan nukilan penyajak-penyajak tempatan, sebagai satu penghargaan kepada kehidupan dan kerja-kerja Perdana Menteri dalam bentuk gambar serta perkataan sepanjang tempoh 20 tahun beliau memegang jawatan," demikian menurut kenyataan oleh syarikat berkenaan.

-- BERNAMA

MNY MFJ ROS